

## SOALAN NO. 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT UST. DATO' DR. MOHD  
KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI  
[KUALA NERUS]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta PERDANA MENTERI menyatakan status sebenar kewangan Kerajaan memandangkan terdapat kontraktor yang mengadu masih belum dibayar dan tuntutan Ahli-ahli Parlimen juga belum dibayar sejak Mac 2017.**

35

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Parlimen telah memaklumkan bahawa sehingga 3 November 2017, semua tuntutan Ahli Parlimen yang diterima dan tuntutan dibawah AP58(a) yang telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan telah pun dibayar. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Parlimen turut memaklumkan bahawa semua invoice bagi kerja-kerja yang diterima sehingga Oktober 2017 oleh kontraktor yang dilantik Parlimen juga telah dibayar.

Sekian, terima kasih.